

Majlis Bertadarus imarahkan rumah Allah



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin yang juga Pemangku Menteri Kesihatan (kanan) hadir sama mengimarahkan bulan Ramadan pada Majlis Bertadarus Al-Quran di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkhiah Kampung Sungai Akar (kanan), sementara gambar kiri, juga hadir ialah takmir masjid tersebut.

Berita dan Foto : Ihsan Ahli Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkhiah Kampung Sungai Akar

SUNGAI AKAR, Ahad, 20 Mei. - Ramadan adalah bulan yang paling mulia dan istimewa di antara bulan lainnya, kerana itu, sangat wajar apabila umat Islam merebut peluang

meningkatkan amal ibadah di bulan yang mubarak ini. Sehubungan itu, Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkhiah Kampung Sungai Akar mengambil inisiatif

mengkayahkan Majlis Bertadarus Al-Quran yang diadakan malam semalam secara berhalakah setiap malam sepanjang bulan Ramadan Al-Mubarak, sambil menggandakan ibadah dan pada masa yang sama, mengimarahkan dan memakmurkan rumah Allah. Turut hadir, Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin yang juga Pemangku Menteri Kesihatan. Aktiviti membaca Al-Quran berhalakah ini dibahagikan kepada lima kumpulan halakah,

terdiri setiap kumpulan mengandungi 25 peserta dan satu halakah terdiri kanak-kanak berumur di bawah 15 tahun. Untuk memberkati majlis, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Masjid berkenaan, Iman Awang Haji Symsul Nizam bin Haji Badar.

UNISSA anjur Ihya Tadarus Al-Quran



Berita dan Foto : Ihsan Universiti Islam Sultan Sharif Ali Bolkhiah Kampung Sungai Akar

REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Ihya Tadarus Al-Quran bertempat di Surau Al-Syaffi, UNISSA. Turut hadir, Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Penolong Rektor UNISSA dan pegawai-pegawai utama, para pensyarah, kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Mei. - Bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh dengan keberkatan yang dinantikan seluruh umat Islam. Oleh itu adalah selayaknya

diraih manfaat dan keberkatan di dalamnya dengan menggandakan amalan yang berkebaikan. Ke arah itu, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

menghidupkan bulan ini dengan mengadakan Majlis Pembukaan Ihya Tadarus Al-Quran bermula Sabtu, 19 Mei 2018 bertempat di Surau Al-Syaffi, UNISSA, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal. Turut hadir, Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji

Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Penolong Rektor UNISSA dan pegawai-pegawai utama, para pensyarah, kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Majlis didahului dengan Sembahyang Fardu Zuhur berjemaah diikuti dengan bacaan Tadarus Al-Quran yang dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Rektor UNISSA sebagai tanda bermulanya Majlis Ihya Tadarus Al-Quran sepanjang bulan Ramadan.

Antara objektif program ini diadakan ialah untuk menggiatkan pembacaan Al-Quran serta memahami dan mengamalkan isi kandungannya. Selain itu, program yang berjalan setiap hari ini juga diharap dapat mengukuhkan lagi *ukhuwah* dalam kalangan warga UNISSA.